



MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
MENARA MPKj
JALAN CEMPAKA PUTIH
OFF JALAN SEMENYIH
43000 KAJANG
SELANGOR DARUL EHSAN

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor/ syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/ perkhidmatan/ bekalan berikut:

No. Tender	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual	Taklimat Dan Lawatan Tapak
MPKj T24/2024	Perkhidmatan Pengurusan Pembersihan Pasar, Medan Selera Dan Tandas Awam Di Zon Cheras Kiri Di Bawah Pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang Bagi Tahun 2025	KKM	221001 / 221002	RM150.00	28 Oktober 2024 Hingga 18 November 2024	Tiada
MPKj T25/2024	Perkhidmatan Pengurusan Pembersihan Pasar, Medan Selera Dan Tandas Awam Di Zon Cheras Kanan Di Bawah Pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang Bagi Tahun 2025					
MPKj T26/2024	Perkhidmatan Pengurusan Pembersihan Pasar, Medan Selera Dan Tandas Awam Di Zon Semenyih & Beranang Di Bawah Pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang Bagi Tahun 2025					
MPKj T27/2024	Perkhidmatan Pengurusan Pembersihan Pasar, Medan Selera Dan Tandas Awam Di Zon Kajang Di Bawah Pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang Bagi Tahun 2025					
MPKj T28/2024	Perkhidmatan Pengurusan Pembersihan Pasar, Medan Selera Dan Tandas Awam Di Zon Bangi Di Bawah Pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang Bagi Tahun 2025			RM150.00		
MPKj T22/2024	Cadangan Pembangunan Pusat Integrasi Bandar Pintar (<i>Command Centre</i>) Di Aras 1, Menara Majlis Perbandaran Kajang Untuk Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	CIDB G4	B04	RM300.00		Diwajibkan

TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK

Petender adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri taklimat dan lawatan tapak seperti ketetapan berikut:

Tarikh	: 28 Oktober 2024 (Isnin)
Waktu Pendaftaran	: 8.30 Pagi – 9.30 Pagi
Waktu Taklimat	: 9.30 Pagi
Tempat	: Bilik Mesyuarat Michelia Alba 1, Tingkat 7A, Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

* Hanya **Pemilik/ Penama Sahaja Diwajibkan** untuk menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini. Sila bawa bersama **Sijil Asal Pendaftaran**.

DOKUMEN MEJA TAWARAN

Petender boleh merujuk Dokumen Meja Tawaran di laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di <https://www.mpkj.gov.my>.

Petender terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara dalam talian di laman sesawang <https://tender.selangor.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

Pembelian Dokumen Tawaran secara dalam talian adalah wajib melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup tender. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di muka surat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **28 OKTOBER 2024 HINGGA 18 NOVEMBER 2024**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** atau menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/ Kurier dan memastikan Dokumen tersebut selamat tiba **SEBELUM atau PADA 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN) JAM 12.00 TENGAH HARI** di alamat:

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kajang
(Peti Sebut Harga/ Tender)
Tingkat 4
Bahagian Pengurusan Kontrak dan Ukur Bahan
Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih
Off Jalan Semenyih
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan**

Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Pihak tuan/ puan digalakkan menghantar Dokumen Tawaran seawal lima (5) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan.